

16/11/2004

Bekas PM sambut raya sebagai rakyat biasa

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyambut Aidilfitri yang pertamanya sebagai rakyat biasa di dalam negara tahun ini, berharap Malaysia akan terus maju dan makmur sambil melahirkan rasa gembira kerana ramai yang berkunjung ke rumah terbukanya.

Katanya, pelbagai bangsa datang mengucapkan Selamat Hari Raya dan mengucapkan terima kasih kerana pembangunan dan suasana yang baik di negara ini yang membolehkan mereka melaksanakan pelbagai kerja termasuk perniagaan.

"Inilah kali pertama saya beraya di negara ini selepas meletak jawatan Perdana Menteri. Pada Hari Raya Puasa tahun lalu saya berada di luar negara.

"Alhamdulillah ramai orang datang hari ini (semalam). Pelbagai kaum datang sama dan memberi ucapan," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbukanya sempena Aidilfitri di kediamannya di Mines Golf Resort, dekat sini semalam.

Kira-kira 5,000 orang menghadiri rumah terbuka itu yang diadakan dari jam 10 pagi hingga 3 petang, sambil menikmati juadah yang dihidangkan manakala ada yang mengambil kesempatan bergambar bersama Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Antara yang hadir ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; bekas Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam dan Naib Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw.

Mahathir yang menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun sehingga meletak jawatan Oktober tahun lalu berkata, kini tidak ada protokol sangat dalam mengadakan majlis rumah terbuka.

(END)